

UMS beri rumah percuma berkeluasan 600 kaki persegi

UB 28.2.2018 B4
UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) terus mengadakan projek

tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam usaha membantu masyarakat

setempat yang kurang bernasib baik. Terbaharu, UMS

menyerahkan sebuah lagi Rumah Komuniti CSR kepada sebuah keluarga kurang berkemampuan di Kampung Pelakat Sapok, Sipitang.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Dr Ismail Ali berkata, Projek Rumah Komuniti CSR itu yang dibina dengan kos sebanyak RM20,000 diberikan secara percuma kepada penerima yang berdaftar dengan program e-Kasih, Mohammad Johannes @Rosli.

“Pemilihan ini juga dibuat melalui Pejabat Daerah Sipitang,” jelasnya sambil memaklumkan pembinaan rumah itu adalah berkonsepkan sistem bangunan berindustri (IBS) dengan saiz berukuran 600

YAMANI(kiri) menyampaikan bantuan alat tulis kepada pelajar sekolah.



MOHAMMAD Johannes dan keluarga bergambar bersama replika kunci di hadapan Rumah Komuniti CSR yang akan mereka diami.

kaki persegi dan dilengkapi tiga bilik tidur, satu tandas, dapur kecil dan ruang tamu.

Majlis perasmian dan penyampaian Rumah Komuniti CSR UMS itu disempurnakan Ketua Pemuda Umno Sipitang, Yamani Hafez Musa.

Yamani yang juga Ketua

Pemuda Umno Sabah dan Penasihat Persatuan Siswazah Sabah di Semenanjung Malaysia turut menyampaikan bantuan alat sekolah kepada 100 pelajar sekolah rendah dan baucar buku kepada 30 mahasiswa UMS yang berasal dari Sipitang.

Untuk rekod, UMS melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar sebelum ini juga telah menyerahkan dua Rumah Komuniti CSR masing-masing di Kota Belud dan Tawau, manakala sebuah lagi akan disampaikan di Sandakan dalam tempoh terdekat.

